

SEMINAR KEBANGSAAN PEMANTAPAN AMALAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERKESAN BAHASA MELAYU

Tarikh

16 - 20 September 2012

Tempat

Merdeka Palace, Kuching, Sarawak

KERTAS KERJA

DANIEL PHUA DAN NUR KHAIRANI JAMAL

SUGGESTOPEDIA DAN PENGAJARAN PEMBEZAAN DALAM
PENULISAN DESKRIPTIF

Anjuran



فرساتوان
فنديديق بهاس ملايو مليسيا
Persatuan Penyelidik Bahasa Melayu Malaysia

Dengan kerjasama



Suggestopedia dan Pengajaran Pembezaan dalam Penulisan Deskriptif

Daniel Phua dan Nur Khairiani Jamal
Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Jabatan Bahasa Ibunda
Sekolah Menengah St. Hilda's
Singapura

Abstrak

Penulisan karangan deskriptif yang baik merupakan satu kemahiran yang perlu diasah dalam kalangan pelajar dalam pengajaran Bahasa Melayu, terutamanya di peringkat sekolah menengah bawah di Singapura. Antara faktor utama yang menghambat kebolehan pelajar menulis karangan deskriptif dengan baik termasuklah kekurangan isi dan ketidakupayaan menyusun idea utama. Untuk memastikan matlamat pengajaran kemahiran penulisan deskriptif tercapai, penggunaan strategi pengajaran yang berkesan telah dilaksanakan. Guru berpeluang untuk memperhalus rancangan pengajaran melalui projek Kajian Pengajaran yang dapat menangani kelemahan gaya penulisan pelajar. Sehubungan dengan itu, kertas ini membincangkan penerapan Pengajaran Pembezaan dan Suggestopedia dalam mereka bentuk rancangan pengajaran untuk meluaskan penulisan karangan deskriptif dalam kalangan pelajar. Data daripada praujian dan pascaujian yang dijalankan menunjukkan peningkatan dari segi kandungan isi karangan pelajar setelah melalui fasa pengajaran ini.

Pengenalan

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru-guru di Sekolah Menengah St. Hilda's adalah mengajar penulisan deskriptif yang baik di kelas. Pelajar-pelajar kami yang terdiri daripada masyarakat bandar tidak dapat memberi gambaran yang jelas dalam huraian deskriptif mereka kerana "world view" atau pandangan alam mereka lebih dipengaruhi oleh proses urbanisasi dan pembangunan pesat di Singapura. Selain daripada itu, pelajar-pelajar Menengah 1 kami tidak dapat memberikan fokus kepada isi utama dalam huraian deskriptif mereka. Ketika menjawab karangan deskriptif, mereka tidak dapat menjelaskan sifat orang yang disanjung dengan jelas, tepat dan menyeluruh. Masalah ini timbul kerana pelajar tidak begitu peka dengan penggunaan panca indera dalam penulisan deskriptif. Lantas, Kaedah Suggestopedia digunakan demi memperkaya pengalaman multimedia dalam pengajaran di kelas di mana pengajaran disampaikan menerusi pendekatan Pengajaran Pembezaan. Tambahan pula, kami juga merujuk kepada guru pakar dari Pusat Bahasa Melayu Singapura untuk memperkemas cara guru-guru mengajar supaya dapat memusatkan perhatian pelajar dengan lebih berkesan dan seterusnya menghasilkan pelajar yang lebih yakin dalam mengembangkan perenggan penulisan deskriptif mereka.

Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menilai keberkesanan teknik Suggestopedia dalam pengajaran penulisan; dan
2. menilai keberkesanan penggunaan teknik Panca Indera dalam pengajaran penulisan deskriptif.

Permasalahan Kajian

Para pelajar kurang mempunyai gaya penulisan yang tersendiri dan pemikiran kreatif. Pelajar tidak menggunakan panca indera sepenuhnya dalam menghuraikan sifat

seseorang watak. Mereka juga kurang berjaya menyusun huraian isi mereka. Contohnya pelajar menulis *'Ibu saya sabar, cantik dan pandai memasak.'* Selain itu, mereka lebih gemar bercerita daripada menggambarkan isi karangan. Misalnya, pelajar akan menulis *'Aku berasa penat'* daripada menggambarkan rasa penat dengan menulis *'Mataku kemerah-merahan kerana tidak cukup tidur. Mesyuarat itu berlarutan dan sungguh melelahkan. Aku sudah mengantuk.'*

Kajian Lepas

Suggestopedia ialah suatu cara pengajaran yang berdasarkan pemahaman - bagaimana akal manusia berfungsi serta menunjukkan cara bagaimana kita belajar dengan menggunakan panca indera yang paling berkesan. Pendekatan ini memerlukan persekitaran yang kaya dengan rangsangan panca indera (gambar, warna, muzik dan sebagainya), mengharapkan kejayaan secara positif dan penggunaan pelbagai kaedah dan bahan ajar seperti teks untuk berdrاما, muzik serta pelibatan aktif dalam lagu atau muzik menerusi proses penghayatan. Harmer (2001) menyatakan bahawa penerapan Suggestopedia yang dipelopori oleh Lozanof dalam rancangan pengajaran membenarkan guru menjadi pembimbing kepada pelajar melalui aktiviti yang autentik dalam suasana yang akan dapat memupuk keselesaan dan keyakinan diri dalam kalangan pelajar.

Bagi Pengajaran Pembezaan, Caine dan Caine (1997) telah menyatakan bahawa sikap dan kepercayaan guru terhadap potensi manusia dan kebolehan pelajar untuk mencapai kejayaan adalah penting. Gayle dan Chapman (2007) mengenal pasti pengajaran pembezaan sebagai pendekatan yang memberikan ruang bagi pendidik untuk merancang secara strategik demi memenuhi keperluan pembelajaran pelajar yang pelbagai. Pembezaan bukan suatu peralatan tetapi suatu sistem pemikiran yang para pendidik perlu terima untuk memenuhi keperluan khas setiap pelajar.

Manakala bagi Kajian Pengajaran pula, Wilburg (2007) berkata bahawa kajian pengajaran mempertimbangkan keupayaan guru-guru berwibawa membantu raka setugas yang lain dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Fokus mendalam yang diberikan terhadap pemikiran pelajar, proses pembelajaran dan strategi bagi menyelesaikan masalah dapat mempertingkatkan tahap pemahaman isi kandungan subjek selain mengembangkan pedagogi guru.

Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan Kajian Pengajaran yang menggunakan model Gary Appeal dan Jennifer Stephanek (2007). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis kuantitatif dan kualitatif.

Subjek Kajian

Dua kumpulan pelajar terlibat dalam kajian ini. Kumpulan pelajar Berkebolehan Tinggi (HA) Menengah Satu Aliran Ekspres dan Normal Akademik dan kumpulan pelajar Berkebolehan Rendah (LA) dari aliran Normal Akademik. Mereka berumur 13 tahun. Kumpulan HA terdiri daripada 11 orang pelajar perempuan dan enam orang pelajar lelaki. Kumpulan LA terdiri daripada 10 pelajar lelaki dan empat orang pelajar perempuan. Kesemuanya berjumlah 31 orang pelajar.

Prosedur Kajian

Pengajaran Pembezaan diterapkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu, bagi menggiatkan lagi kebolehan menghayati dan menjiwai sifat ibu bapa mereka bagi mencungkil isi karangan, teknik Suggestopedia digunakan.

Suggestopedia mengambil kira pembelajaran dalam suasana yang kondusif dan menyenangkan bagi para pelajar menghayati bahan pengajaran. Lagu 'Ayah dan Ibu' nyanyian seniman Sudirman Hj Arshad digunakan bagi menghidupkan suasana dan membina keupayaan para pelajar membayangkan perkara yang sedang dilakukan oleh ibu mereka di rumah dan mengenang kembali saat ibu bapa mereka melakukan sesuatu yang menyentuh perasaan mereka.

Bagi Pengajaran Pembezaan pula, para pelajar telah dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan keupayaan dan kebolehan mereka berbahasa. Walaupun kesemua pelajar harus mengikuti sesi kuliah kecil di mana teknik menerangkan sifat bagi isi diajarkan, aktiviti yang dilakukan oleh para pelajar dibezakan mengikut keupayaan kumpulan. Ada kumpulan yang diberikan rangsangan dan bantuan melalui gambar dan kata bantuan bagi melengkapkan ayat, manakala kumpulan yang lebih tinggi tahap kemampuannya, diminta untuk melakarkan ayat mereka sendiri tanpa banyak bantuan. Di sini, walaupun produk atau hasil kerja dibezakan, namun aktiviti permulaan yang diselarikan menjamin objektif keseluruhan pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai.


Proses pencerapan atau pemerhatian telah dijalankan oleh guru-guru yang terlibat berserta pihak berwajib. Bagi memastikan bahawa pencerapan ini berguna bagi proses Penilaian Keberkesanan Rancangan Pengajaran, perhatian yang khusus dan terperinci telah diberikan kepada pembelajaran sosial dan emosi (*Social and Emotional Learning* atau SEL) para pelajar. Cara mereka berinteraksi, gerak tubuh semasa pengajaran dijalankan dan komen-komen kecil yang diberikan oleh guru juga diserlahkan bagi mengenal pasti tahap keterlibatan para pelajar. Sampel kajian merupakan seperenggan isi karangan deskriptif tentang 'Ahli Keluarga yang Saya Sayangi' yang ditulis oleh pelajar. Aspek yang diteliti meliputi 4 bahagian iaitu sifat, contoh, sifat berbentuk huraian dan aspek penyelewengan.

Instrumen Kajian

Satu praujian dan pascaujian telah dijalankan untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Melalui proses Kajian Pengajaran, pengajaran telah digubah dan diajarkan kepada kumpulan yang berbeza setelah mengambil kira dapatan daripada pencerapan pengajaran yang pertama.

Kajian ini menggunakan proses Kajian Pengajaran, dalam mengajarkan penulisan deskriptif. Kajian Pengajaran ialah suatu budaya yang mengembangkan kemahiran guru melalui kerjasama dalam menggubah sebuah rancangan pengajaran, mengajar, mencerap pengajaran itu bagi tujuan pengumpulan data dan menggunakan hasil pencerapan mereka itu bagi memperhalus rancangan pengajaran yang sama dan diajarkan semula. Rujuk Rajah 1.

Rajah 1: Proses Kajian Pengajaran




(Sumber: *Leading Lesson Study. A Practical Guide for Teachers*, hlm. 3)

Kajian ini berbentuk pendekatan analisis kuantitatif dan kualitatif. Seramai 31 pelajar terlibat dalam sampel kajian. Data dikumpul dengan meneliti dan melihat seperenggan isi deskriptif pelajar berdasarkan tajuk karangan yang berjudul 'Ahli keluarga yang Saya Sanjungi' dan membahagikan kepada empat bahagian iaitu; contoh, sifat, sifat dengan huraian dan dan aspek penyelewengan menerusi praujian dan pascaujian.

Dapatan Kajian


Rajah 2: Kelas Menengah Satu Kumpulan HA



Bagi kumpulan HA, dapatan praujian menunjukkan pelajar yang menghuraikan sifat orang yang disanjung dengan contoh yang tepat hanyalah 29%. Terdapat 41% pelajar yang menghuraikan sifat contohnya rajin dan isi ini kerap diulang tanpa menjelaskan

maksud rajin. Sementara itu terdapat 6% pelajar tidak tahu menghuraikan sifat. 24% pelajar pula memberi contoh seperti ayah bekerja keras, balik lewat tanpa menyatakan isi utama dalam perenggan mereka.

Rajah 3: Kelas Menengah Satu Kumpulan LA




Kumpulan LA dapat menunjukkan sifat dengan contoh sebanyak 35%, sifat sahaja 36% sementara contoh sahaja hanyalah 29%.

Hipotesis yang dapat disimpulkan setelah menganalisis ujian diagnostik yang dijalankan ke atas para pelajar Menengah 1 HA dan LA adalah seperti yang berikut:

1. kebanyakan pelajar tidak membezakan genre naratif dan deskriptif;
2. kebanyakan isi yang dihuraikan tidak bernas, kurang padat dan tidak berpaut pada isi utama;
3. isi deskriptif tidak digambarkan tetapi sebaliknya diceritakan;
4. pelajar tidak menunjukkan ciri-ciri bahasa yang istimewa; dan
5. pelajar tidak menggunakan panca indera dalam karangan deskriptif.

Setelah diajarkan cara pengembangan isi bagi karangan deskriptif, peningkatan dalam gaya penulisan pelajar dapat dilihat secara kualitatif dan kuantitatif. Berikut adalah contoh penulisan pelajar 1 dan pelajar 2 yang mempunyai kebolehan bahasa yang berbeza.

Contoh Pelajar 1: Penulisan Pascaujian (LA)



Pelajar ini menyanjung ibu kerana ibunya berkorban untuk mereka. Dia mengingati semula waktu dia kecil, ibunya masih membelikan mainan dan kasut untuknya walaupun hidup keluarga serba kekurangan. Selain daripada bekerja dari pagi hingga malam, ibunya masih menolong adik membuat kerja sekolah.

Contoh Pelajar 2: Penulisan Pascaujian (HA)

~~Ibu yang tegas tetapi sabar dan seorang penyayang. Walaupun sibuk~~
~~dia tidak pernah lupa untuk~~
~~bekerja, dia adalah yang tetap mengasuh dan mendidik aku dan~~
~~kakakku. Apabila pulang, dia lah yang selalu tersenyum lebar~~
~~walaupun penat bekerja. Mukanya selalu akan bersinar seperti~~
~~bidadari yang baru turun dari langit yang biru. Dia selalu~~
~~akan perhatikan jika perangai atau kelakuanku sedikit berubah atau~~
~~tidak. Dia selalu akan menanyakan jika apa yang berlaku di sekolah, dia~~
~~tidak pernah lupa tentang keluarga walaupun dia harus melakukan~~
~~tanggungjawabnya di kerja dan di rumah~~

Pelajar kedua telah menggunakan teknik Panca Indera ketika melihat ibu tersenyum lebar walaupun penat bekerja, muka ibu bersinar macam bidadari dan seorang ibu yang kerap memerhatikan sama ada perangai penulis berubah atau tidak. Teknik deskriptif ini dapat dibandingkan dengan teknik naratif yang mula dikarang oleh penulis yang sama.

Berdasarkan penilaian kualitatif, contoh daripada pascaujian memperlihatkan kebolehan memberikan sifat serta contoh bagi mencerminkan sifat yang murni yang ditunjukkan oleh watak dalam karangan itu. Ini merupakan satu peningkatan daripada contoh-contoh praujian para pelajar yang hanya mampu menulis tentang beberapa peristiwa atau insiden yang pernah dilakukan oleh orang yang disayang seperti yang ditulis oleh Pelajar 1 di bawah ini.

Contoh Pelajar 1: Penulisan Praujian (LA)


Latihan pengembangan 1 isi karangan jenis deskriptif

1) Seorang insan yang saya sanjungi
Seorang insan yang saya sanjungi ialah Pakcik saya. Dia seorang pegawai polis. Dia telah menangkap ramai orang jahat.

Pelajar ini menceritakan bahawa dia menyanjung pakcikya kerana beliau ialah seorang pegawai polis. Pakcikya menangkap ramai orang jahat. Gaya penulisan ini hanyalah


memberi sebab mengapa dia menghormati pakciknya sebagai seorang pegawai polis. Namun gaya penulisan ini tidak menggambarkan isi 'berkebolehan' dalam perenggan ini. Peristiwa yang dihuraikan ringkas dan tidak sesuai dijadikan seperenggan karangan naratif yang meyakinkan.

Contoh Pelajar 2: Penulisan Praujian (HA)




Bagi pelajar 2, kata sedih kerap berulang dan tidak mengaitkan sebab penulis menyanjungi ibu yang berwajah sedih. Namun masih ada pemerhatian terhadap ibu yang berdiam diri, tidak ceria, murung dan suka bersendirian. Pelajar hanya menceritakan kesedihan ibu namun tidak mengaitkan kepada isi tentang ibu yang disanjunginya. Walau bagaimanapun, pelajar masih dapat meluahkan isi pemerhatian tentang ibunya.

Rajah 4: Menengah Satu Kumpulan HA




Bagi kumpulan HA, dapatan pascaujian menunjukkan pelajar yang menghuraikan sifat orang yang disanjung dengan contoh yang tepat mencapai 47%. Pelajar yang menghuraikan sifat sahaja 18% manakala yang memberi contoh hanyalah 29% sementara yang menyeleweng pula ialah 6%.

Rajah 5: Menengah Satu Kumpulan LA



Manakala bagi kumpulan LA, dapatan pascaujian menunjukkan pelajar yang menghuraikan sifat orang yang disanjung dengan contoh yang tepat ialah 86%. Pelajar diberikan ujian ini sehari selepas pengajaran kedua dilakukan. 7% pelajar memberikan contoh dan 7% lagi menyatakan sifat yang berulang sahaja. Tahap keupayaan mereka untuk mengingat informasi atau maklumat masih segar dan pelajar dapat menyatakan sifat orang yang disanjung dengan memberikan contoh yang tepat.

Rajah 6: Peratusan Pelajar Kumpulan HA & LA Bagi Bahagian B, Kertas 2



Selepas melaksanakan kajian pengajaran ini, didapati bahawa pelajar lebih cenderung menjawab karangan naratif dan deskriptif dalam peperiksaan akhir tahun 2011 dan soalan karangan perbincangan hanya dicuba oleh 4% pelajar sahaja. Data ini menunjukkan bahawa pelajar kurang berminat pada karangan perbincangan yang memerlukan gaya penulisan yang agak berbeza.

Kesimpulan

Kajian pengajaran ini telah memberikan maklumat penting kepada guru untuk mengajar karangan deskriptif dengan lebih terperinci namun untuk sampai ke tahap penulisan deskriptif seperti yang terdapat dalam tulisan Cikgu Wahab (1999) adalah suatu perjalanan yang panjang dan impian yang murni. (Sila lihat Lampiran 1). Maklum balas yang diterima daripada guru-guru yang terlibat dalam kajian pengajaran ini antaranya ialah kelemahan pengajaran berjaya dibincangkan secara terbuka dan konstruktif. Sikap keterbukaan ini penting dalam memastikan guru bersikap profesional dalam memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhan.

Selain itu, kajian ini berjaya menghasilkan kesan yang positif, menguji teknik panca indera dan suggestopedia serta melakar dan melaksanakan strategi pengajaran yang lebih berkesan.

Rujukan

- A. Wahab Hj Hamzah (1999). *Kumpulan Cerpen: Igau*. Persama Indonesia.
- Caine dan Caine (1997). *Education on the Edge of Possibility*. Association for Supervision and Curriculum Development. Alexandria, Virginia.
- Gayle, H. Gregory dan Carolyn, Chapman (2007). *Differentiated Instructional Strategies: One Size Doesn't Fit All*, Corwin Press USA.
- Harmer, Jeremy. (2001). *The Practice of English Language Teaching*. 3rd Edition. Person Education Limited.
- Jennifer, Stephanek, Gary Appel et al. (2007). *Leading lesson Study: A Practical Guide for Teachers and Facilitators* Corwin Press USA.
- Wiburg, K. M. (2004). *Lesson Studies Communities: Increasing Achievement With Diverse Students*, Corwin Press USA.

Lampiran 1

Contoh Gaya Penulisan Berbentuk Deskriptif Cikgu Wahab Hj Hamzah

*"...Entah mengapa sejak tiga bulan kebelakangan ini, semenjak kematian isteriku, rinduku pada pulau tempat lahirku begitu memuncak sekali. Kehidupan lama yang telah kutinggalkan sedikit-sedikit datang dalam ingatanku. Air laut yang membiru bagai merenjis tubuhku dengan mesra. Semua **kenangan** lama menyentuh dan menarik naluri keinginanku untuk kembali kepada penghidupan lama..."*

(Halaman 130, Kumpulan Cerpen: Igau, Persama Indonesia 1999)

*"...Kipas angin yang berpusing ligat sudah tidak memberi apa-apa erti padaku. Angin dari kipas angin yang menyentuh tubuhku tidak terasa lagi sejuknya. Kipas angin dan anginnya menjadikan perasaanku bertambah sayu. Sayu memikirkan **nasibku yang terlantar sendirian**. Terbuang jauh dari anak-anak yang pernah kusayangi..."*

(Halaman 83, Kumpulan Cerpen: Igau, Persama Indonesia 1999)

- Pengembangan isi dalam karangan deskriptif (teknik panca indera)

Kipas angin yang berpusing ligat sudah tidak memberi apa-apa erti lagi padaku.

- (Panca indera-Deria mata–Penulis melihat putaran kipas dan bermonolog)

Angin dari kipas angin yang menyentuh tubuhku tidak terasa lagi sejuknya

- (Deria rasa tubuh penulis)

Kipas angin dan anginnya menjadikan perasaanku bertambah sayu.

- (Ungkapan perasaan dalam hati penulis, luahan emosi penulis)

Sayu memikirkan nasibku yang terlantar sendirian.

- (pemikiran dan nasib penulis)

Terbuang jauh dari anak-anak yang pernah kusayangi.

Daripada karya Cikgu Wahab, sudah dikatakan bahawa seperenggan isi deskriptif telah berjaya memperjelas lima bahagian dalam huraian beliau:

1. Objek dan kaitan dengan perasaan
2. Perasaan penulis
3. Luahan emosi
4. Pemikiran penulis
5. Nasib penulis

(Kumpulan Cerpen A Wahab Hj Hamzah: Igau, Bersama Indonesia, 1999)